

25 FEB 1999

Mahathir-MCA

MCA TELAH MAIN PERANAN POSITIF, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata MCA telah memainkan peranan positif dan memberi sumbangan bermakna dalam pembangunan negara dan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum sejak ditubuhkan 50 tahun lepas.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu juga berharap parti itu akan meneruskan perjuangan politik dengan lebih bersemangat lagi demi masa depan negara dan rakyat.

Sebagai parti politik yang bersatu padu dan stabil, MCA juga dapat memainkan peranan berkesan dalam pelbagai projek dan aktiviti yang mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat, katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan yang dimuatkan pada buku mengenai parti itu sempena ulang tahun ke-50 MCA yang dilancarkan oleh Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, di sini hari ini.

"Syabas diucapkan kepada MCA atas pencapaian dan sumbangan yang dibuat selama ini," kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Katanya, MCA adalah salah sebuah parti komponen dalam Perikatan sebelum negara mencapai kemerdekaan dan kemudiannya dalam BN hingga sekarang.

"Sebagai parti politik yang mewakili kepentingan masyarakat Cina di negara ini, MCA telah menunaikan kewajibannya dengan baik dan sentiasa berganding bahu dengan parti-parti lain komponen BN untuk menjamin kestabilan politik negara," kata beliau.

Dr Ling dalam perutusannya pula berkata MCA akan berusaha lebih gigih untuk memastikan Malaysia terus menikmati kestabilan politik, kemakmuran dan kemajuan dalam tahun-tahun akan datang supaya negara dapat mencapai Wawasan 2020.

Menteri Pengangkutan itu berkata MCA juga akan sentiasa berjuang untuk negara dan rakyat dan melangkah mengikut perubahan zaman untuk sama-sama membentuk masa depan yang lebih terjamin bagi semua rakyat.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Ling berharap buku setebal 384 muka surat itu dapat dijadikan panduan kepada semua masyarakat terutamanya pelajar yang berminat dalam sejarah politik tanahair.

Buku yang ditulis dalam bahasa Mandarin itu memaparkan sejarah perjuangan MCA sejak ditubuhkan pada 27 Feb 1949 hingga sekarang.

Dr Ling berkata buku itu akan diterjemah ke dalam bahasa Inggeris dan Melayu agar dapat dibaca oleh semua kaum di negara ini.

Ketika ditanya mengenai peluang MCA meletakkan calon pada pilihan raya negeri Sabah pada 12 Mac dan 13 Mac ini, beliau berkata ia akan ditentukan oleh Dr Mahathir.

"Kita akan mengetahui mengenainya dalam masa satu atau dua hari lagi," katanya.

Beliau berkata, menteri-menteri Kabinet daripada MCA kini kerap berulang alik ke Sabah untuk bertemu rakyat bagi menerangkan langkah-langkah yang telah dan akan diambil kerajaan persekutuan dalam membantu rakyat negeri itu.

Katanya, MCA telah membuktikan bahawa ia adalah satu jambatan yang berguna antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

-- BERNAMA

ARA NMO